

Pinjaman pendidikan

Berita Harian 8-14 Februari 2010 M/S 2

Segelintir pelajar salah guna, tidak rancang perbelanjaan

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bharian.com.my

PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) setakat ini membelanjakan RM32 bilion bagi menyediakan pinjaman kepada pelajar institusi pengajian tinggi dan jumlah itu bertambah saban tahun.

Bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) sesi 2010 yang membabitkan kira-kira 200,000 pelajar, dijangkakan sejumlah RM3.5 bilion lagi akan disalurkan. Sehingga kini, lebih 1.32 juta pelajar sudah menikmati faedah disediakan PTPTN.

Malangnya, usaha kerajaan itu tidak dimanfaatkan sepenuhnya segelintir pelajar yang menerima pinjaman. Ada pelajar yang dikatakan membazirkan wang pinjaman dengan membeli pakaian dan telefon baru, berpelesenan dan melabur dalam skim cepat kaya sebaik saja ia dikeluarkan awal semester pengajian.

Pelajar Tahun Tiga, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Zarinah Kamaldeen, mengaku terdapat segelintir



“Ada segelintir pelajar yang menyalahgunakan wang itu untuk membeli telefon bimbit baru dan ada juga yang menyertai aktiviti jualan langsung”

Zarinah Kamaldeen
Pelajar Tahun Tiga,
Akademi Pengajian Melayu, UM

pelajar menggunakan wang itu untuk membeli barangan yang tidak diperlukan untuk pengajian mereka.

“Fungsi asal wang (PTPTN) memang untuk pembiayaan pengajian. Tidak dinafikan, ada segelintir pelajar yang menyalahgunakan wang itu untuk membeli telefon bimbit baru dan ada juga yang menyertai aktiviti jualan langsung (MLM).”

“Jika pandai menguruskan-nya, pelajar tidak akan berdepan masalah. Tapi, jika tidak merancang perbelanjaan, sudah pasti mereka akan berdepan masalah apabila tidak cukup duit terutamanya hujung semester. Perkara seperti ini memang sentiasa berlaku seolah-olah tidak ada jalan penyelesaian,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Bagi pelajar Tahun Dua Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jengka, Norasyima Yaacob, berkata bukan semua pelajar menyalahgunakan wang pinjaman yang

diberikan.

“Memang ada rakan yang guna wang PTPTN untuk menyertai MLM, tapi tidak ramai. Kebanyakannya masih menggunakannya untuk membeli buku rujukan dan komputer riba.

“Macam komputer riba ini, bukan untuk bergaya sebenarnya. Kami memang perlu untuk memudahkan kami menyiapkan tugas,” katanya.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sains dan Teknologi, UM, Nisha berpendapat mengu-



Norasyima Yaacob

ruskan wang itu, terpulung kepada kebijaksanaan pelajar

“Ada yang berbelanja dengan membeli pakaian berjenama. Saya akui jumlah diberikan memadai bahkan masih ada baki untuk kami gunakan untuk bergembira dengan rakan-rakan, seperti menonton wayang,” katanya.

Bagi pelajar Tahun Dua, Fakulti Perubatan UM, Mery Huwei Wing, berpendapat pembiayaan PTPTN sebenarnya banyak membantu pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan meneruskan pengajian mereka.

“Walaupun saya mendapat pembiayaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), tetapi ada juga rakan-rakan yang mendapat pinjaman PTPTN.



“Masalah salah guna wang itu, memang tidak dapat dinafikan berlaku, tapi bergantung sepenuhnya kepada pelajar itu sendiri”

Mery Huwei Wing
Pelajar Tahun Dua,
Fakulti Perubatan UM



Nisha

“JPA atau PTPTN ini tidak ada beza sangat. Cuma, kami (JPA) terikat untuk berkhidmat dengan kerajaan bagi tempoh tertentu. Masalah salah guna wang itu, memang tidak dapat dinafikan berlaku, tapi bergantung sepenuhnya kepada pelajar itu sendiri,” katanya.

'Pelajar kurang berhemah berbelanja punca pinjaman tidak cukup'

SIKAP pelajar mengamalkan perbelanjaan tidak berhemah antara faktor utama menyebabkan pinjaman disediakan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak mencukupi bagi menampung kos sara hidup mereka ketika di institusi pengajian tinggi (IPT).

Pengerusi PTPTN, Datuk Dr Mohamad Shahrur Osman, berkata pihaknya sudah mengambil kira pelbagai aspek sebelum menawarkan pinjaman kepada setiap pelajar yang melanjutkan pengajian.

"Masalah tidak cukup wang sebenarnya ada kaitan dengan sikap tidak berhemah pelajar itu sendiri. Jumlah

pembiayaan ditawarkan mencukupi berdasarkan perkiraan yang kita buat. Kami mengambil kira pelbagai aspek termasuklah keadaan sosio-ekonomi (keluarga) pelajar itu.

"Jadi (jumlah) semuanya kita berikan termasuk kos sara hidup sepanjang berada di IPT. Mereka perlu bijak menguruskan (pinjaman) untuk perkara yang berkaitan dengan bidang pengajian saja. Apa yang menjadi masalahnya sekarang, ada pelajar berbelanja kepada perkara yang tidak sepatutnya, seperti membeli telefon bimbit mewah untuk bergaya, jadi memanglah wang tidak



Mohamad Shahrur Osman

cukup. Kalau guna untuk beli komputer riba, itu tidak memberikan masalah kepada

mereka, kerana ia sudah menjadi keperluan memudahkan pelajar itu," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Beliau berkata, sekiranya pelajar pandai menguruskan pinjaman diterima, mereka tidak akan berdepan dengan situasi seperti tidak cukup wang dan terpaksa 'ikat perut' apabila penghujung semester.

Katanya, peranan sebenar PTPTN adalah menguruskan pembiayaan pendidikan tinggi serta menyediakan skim pinjaman dan mengurus deposit kepada pelajar jadi sukar pihaknya mengawasi cara pelajar membelanjakannya.

"Kami cuma memberikan pinjaman, apa yang pelajar

buat dengan duit itu terpulang kepada mereka. Walaupun begitu, kami selalu mengingatkan pelajar supaya menggunakannya sebagai sumber bagi menampung perbelanjaan di IPT," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Mohd Firdaus Md Sayed, berpendapat pelajar tidak seharusnya terikut-ikut dengan gaya hidup mewah bagi mengelakkan mereka boros membelanjakan wang pinjaman PTPTN.

Katanya, sebagai pelajar, mereka perlu ingat tanggungjawab paling penting ialah menuntut ilmu dan bukannya

berseronok atau bergaya dengan telefon bimbit mewah dan pakaian berjenama demi bersaing dengan pelajar lain.

"Pelajar kena ubah sikap mereka. Jangan asyik ingin bersaing telefon bimbit siapa yang paling canggih atau pakaian siapa yang lebih berkualiti dan mahal. Jika terus begini, pengajian mereka juga yang tidak ke mana.

"Gunakan peluang diberikan sebaik mungkin. Bila sudah berjaya, bukan saja telefon bimbit mewah boleh dimiliki, tapi pelbagai lagi benda yang kita idamkan mampu diperoleh," katanya.